

Fokus mantapkan PBT

PUTRAJAYA - Kerajaan fokus memantapkan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai penadbir bandar, khususnya dalam aspek kepentingan penjagaan kebersihan, keselamatan, kesejahteraan dan penyelesaian serta memulihara dan menjamin kelestarian alam sekitar.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, bagi merealisasikan usaha tersebut, sebanyak 13 kertas mesyuarat dibincangkan pada Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MKNT) Ke-71 yang dipengeruskannya di sini, semalam.

Katanya PBT disaran memperkukuh penguatkuasaan bagi meningkatkan kesedaran terhadap kebersihan awam seperti pemasangan sistem perangkap minyak terutamanya di premis komersial, masalah tandas awam kotor, penggunaan bahan pencuci bersesuaian dan berkesan serta pembasmian infestasi tikus yang menjadi masalah kesihatan.

"Ini juga termasuk masalah keselamatan dan kesihatan semasa mengendalikan bahan kimia berbahaya di kawasan PBT," katanya dalam kenyataan sempena mesyuarat itu.

Mesyuarat juga menyentuh mengenai mewujudkan garis panduan tadika dan taska dengan persekitaran selamat, bebas halangan untuk kanak-



Ahmad Zahid sebelum mempengerusikan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke-71 semalam. Turut hadir Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar (depan, kiri) dan Timbalannya Datuk Halimah Sadique (kanan).

kanak, penjaga, pengguna lain dalam bangunan bertingkat dan memastikan persekitaran pembelajaran berkualiti tinggi, selesa serta selamat untuk perkembangan rohani dan jasmani kanak-kanak.

Ahmad Zahid berkata, mesyuarat turut membincangkan pelaksanaan inisiatif ke arah memulihara alam sekitar seperti mengawal pembangunan chalet atas air agar kawasan tarikan semula jadi sentiasa terpelihara dan mewajibkan pemasangan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan (SPA) yang boleh mengurangkan permintaan

bekalan air awam.

Dalam pada itu, mesyuarat yang dihadiri menteri kabinet, menteri besar, ketua menteri serta ketua agensi dan jabatan berkaitan turut menggalakkan proses pewartaan cadangan pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) (Pindaan 2012) oleh kerajaan negeri agar pelaksanaan menyeluruh dapat dikuatkuasakan secara seragam oleh PBT.

Mesyuarat juga membincangkan mengenai persediaan Malaysia menganjurkan Persidangan Forum Bandar Sedunia Ke-9, Februari 2018. - *Bernama*

S/Harian 11/7/17